AmMetLife Takaful

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Helaian Pendedahan Produk (“PDS”) menyediakan beberapa maklumat penting yang perlu anda pertimbangkan sebelum anda menyertai sijil takaful perubatan yang memenuhi keperluan anda. Anda perlu membaca sijil takaful dengan teliti untuk mendapatkan butiran penuh tentang perlindungan anda.

| | |
|---|---|
| **Nama Pengendali Takaful** | AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful) |
| **Nama Produk** | i-Am Care |
| **Nama Peserta** | <<Participant Name>> |
| **Pelan** | Pelan 200 |
| **Tarikh** | <<DD/MM/YYYY>> |

**KETAHUI LEBIH LANJUT:**

*AmMetLife Takaful ialah pengendali takaful keluarga berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.*

## Langkah 1 Adakah sijil takaful ini sesuai untuk anda?

- Sijil takaful ini melindungi perbelanjaan hospital dan pembedahan yang disebabkan oleh kemalangan atau penyakit yang dilindungi di bawah sijil takaful ini sehingga umur 55 tahun (hari lahir berikutnya).
- Sumbangan takaful anda akan digabungkan dengan sumbangan peserta takaful lain untuk membayar tuntutan. Jika jumlah tuntutan yang dibayar daripada kumpulan sumbangan takaful adalah tinggi, sumbangan takaful untuk semua peserta takaful dalam kumpulan yang sama mungkin meningkat, termasuk sumbangan takaful anda **walaupun anda tidak membuat tuntutan.**

## Langkah 2 Adakah ia memenuhi keperluan anda?

### Apakah yang dilindungi?

- Bilik & penginapan hospital: RM200
- Kos pembedahan: Mengikut caj yang dikenakan tertakluk kepada Had Tahunan
  Manfaat yang perlu dibayar berdasarkan bayar dahulu, tuntut kemudian dan tertakluk kepada:
- Had Tahunan: RM100,000
- Had Seumur Hidup: Tidak berkenaan

Rujuk Jadual Manfaat di Lampiran 1 untuk senarai penuh manfaat.

### Apakah yang tidak dilindungi?

- Keadaan perubatan yang dialami, atau mengalami simptom, sebelum menyertai pelan (i.e. keadaan sedia ada)
- Penyakit Spesifik (cth. hipertensi, diabetes)
- Penyakit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- Kehamilan atau keadaan berkaitan kehamilan
- Memusnahkan diri, perang dan perbuatan yang menyalahi undang-undang

Ini bukan senarai lengkap. Sila baca sijil takaful dengan teliti untuk mendapatkan maklumat mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

## Langkah 3 Mampukah anda menambah sumbangan takaful dari semasa ke semasa?

**Jadual Unjuran Sumbangan Takaful**

| **Umur** | **Sumbangan takaful semasa apabila mencapai umur (RM)** | **Anggaran Sumbangan Takaful** | |
|---|---|---|---|
| | | **Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 7% setahun[1] (RM)** | **Berdasarkan inflasi perubatan sebanyak 10% setahun[1] (RM)** |
| **<28>** | XX | | |
| **<33>** | XX | YY | ZZ |
| **<38>** | XX | YY | ZZ |
| **<43>** | XX | YY | ZZ |
| **<48>** | XX | YY | ZZ |

**Dalam jangka masa panjang, bayaran sumbangan takaful boleh dikurangkan dengan memilih pelan dengan:**

(a) Deduktibel yang lebih tinggi;
(b) Ko-takaful yang lebih tinggi;
(c) Had tahunan/seumur hidup yang lebih rendah.

- Unjuran di atas adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Sumbangan takaful dipengaruhi oleh kedua-dua peningkatan kos rawatan dan peningkatan penggunaan khidmat penjagaan kesihatan oleh peserta takaful. Ini boleh menyebabkan kadar inflasi perubatan sebenar menjadi lebih tinggi atau lebih rendah daripada ilustrasi di atas. Kami sedang melaksanakan langkah-langkah yang perlu dalam usaha mengawal kenaikan kos dengan kerjasama pihak berkepentingan lain untuk menguruskan peningkatan sumbangan takaful dari semasa ke semasa.
- Sebahagian besar sumbangan takaful disalurkan kepada tuntutan. Secara purata, bagi setiap RM1.00 sumbangan takaful yang dibayar, RM0.72[2] diperuntukkan untuk membayar tuntutan. Bakinya untuk membayar komisen kepada ejen takaful, perbelanjaan pengurusan dan keuntungan pengendali takaful.

[1] Ini ialah peningkatan purata kos rawatan dari tahun ke tahun seperti yang dibilkan oleh hospital kepada industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023.
[2] Ini adalah berdasarkan data purata industri insurans dan takaful dari tahun 2020 hingga 2023. Pengalaman sebenar bagi pelan yang anda sertai mungkin berbeza daripada purata industri.




**Sekarang:** Sumbangan Takaful cukup untuk menampung tuntutan dan Lain-lain.




**Masa depan:** Akibat daripada inflasi perubatan, Sumbangan Takaful mungkin tidak cukup untuk menampung Tuntutan dan Lain-lain*

*Lain-lain termasuk Komisen, Perbelanjaan Pengurusan dan Keuntungan.
Nota: Carta ini tidak dilukis mengikut skala.

## Langkah 4 Apa lagi yang perlu anda ketahui?

- **Kepentingan membuat pendedahan :** Anda mesti menjawab soalan yang kami kemukan dengan lengkap dan tepat. Kecuaian dalam menjawab soalan boleh mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau sijil takaful anda ditamatkan.
- **Tempoh Rujukan Percuma :** Jika anda memutuskan untuk tidak menyertai sijil takaful ini dalam tempoh 15 hari selepas menerimanya, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkan sijil takaful anda dan menerima bayaran balik sepenuhnya (ditolak sebarang fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung).
- **Fi dan Caj :** Fi wakalah[3] yang perlu anda bayar ialah adalah kombinasi amaun tetap RM5, ditambah 25% daripada sumbangan selepas ditolak amaun tetap seperti butiran di bawah:

  Komisen Ejen : RM0 or 0%
  Perbelanjaan Pengurusan : RMzz or y%
  **Jumlah Fi Wakalah : RMxx or xx%**

- **Tempoh Menunggu :** Kelayakan untuk manfaat di bawah sijil takaful ini akan bermula selepas tempoh menunggu. Tempoh menunggu di bawah terpakai dari tarikh permulaan/pengembalian semula yang mana terkemudian:
  - **120 hari** untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada penyakit spesifik.
  - **30 hari** untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada penyakit selain penyakit spesifik.
  - **Tiada tempoh menunggu** untuk kecederaan akibat kemalangan.
- **Tempoh Tangguh :** Anda mempunyai 30 hari dari tarikh akhir sumbangan untuk membuat pembayaran. Jika sumbangan tidak dibayar sehingga akhir tempoh tangguh, sijil takaful anda akan ditamatkan.
- **Pembatalan :** Anda boleh membatalkan sijil takaful anda pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan menghantar notis bertulis kepada kami. Perlindungan anda akan tamat dan kami akan membayar balik sumbangan yang tidak digunakan (jika ada). Rujuk Lampiran 2 untuk jadual bayaran balik sumbangan.
- **Sumbangan Tidak Dijamin :** Kadar sumbangan TIDAK DIJAMIN dan boleh disemak semula dengan memberi sekurang-kurangnya 30 hari notis lebih awal kepada anda.
- **Tuntutan :** Maklumkan kepada kami dengan kadar segera jika anda ingin membuat tuntutan di bawah sijil takaful anda. Kami akan membimbing anda tentang dokumen yang perlu diserahkan bagi memproses tuntutan anda. Cari Panel AmMetLife Takaful - Clinics/Hospitals, untuk rawatan perubatan yang lancar dan tanpa kerumitan
- **Perubahan Butiran untuk Dihubungi :** Anda perlu memaklumkan kepada kami jika terdapat perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda/penama untuk memastikan semua maklumat terkini sampai kepada anda/penama anda tepat pada masanya.
- **Konsep Syariah yang diguna pakai :**
  - **Wakalah** – Semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka menguruskan pelan takaful berlandaskan prinsip Syariah. AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah untuk menguruskan pelan ini.
  - **Tabarru'** – Semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian tertentu daripada sumbangan yang telah dibayar ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta (DRP) untuk tujuan saling menolong dan membantu bersama.
  - **Qard** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.

Ini bukan senarai lengkap. Sila baca sijil takaful dengan teliti untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai terma dan syarat.
[3]Amaun ini adalah berdasarkan sumbangan takaful pada umur semasa.

## Langkah 5 Pernahkah anda mempertimbangkan produk lain yang mungkin sesuai dengan keperluan anda?

**Jadual PIlihan Produk**

| Name | Produk Cadangan | Pilihan Alternatif Produk | |
|---|---|---|---|
| | i-Am Care | Pilihan 1 | Pilihan 2 |
| **Sumbangan Tahunan Takaful** | RM<xxx> | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |
| **Jenis** | **Bayar Dahulu, Tuntut Kemudian**<br>*'Anda bayar rawatan dahulu dan tuntut kemudian daripada kami'* | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |
| **Tempoh Perlindungan** | Sehingga umur 55 tahun<br>'Pembaharuan dijamin tetapi kadar sumbangan takaful tidak dijamin' | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Ko-takaful/Deduktibel** | RM500 deduktibel | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |
| **Bilik & Penginapan Hospital** | RM200 sehari | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |
| **Kos Pembedahan** | Mengikut caj yang dikenakan | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |
| **Had Tahunan** | RM100,000 | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |
| **Had Seumur Hidup** | Tiada Had | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan |

- **Deduktibel:** Amaun tetap yang perlu anda bayar sebelum perlindungan sebenar bermula. Contoh: RM500 Deduktibel bermaksud anda perlu membayar RM500 daripada poket anda sendiri dan kami akan membayar bakinya (sehingga had tertentu)
- **Ko-takaful:** Peratusan tetap daripada kos perubatan yang perlu anda bayar. Contoh: 10% ko-takaful bermakna anda perlu membayar hanya 10% daripada setiap bil perubatan (sehingga had yang tertentu), dan kami akan melindungi 90%.
- **Had tahunan**: Amaun maksimum yang anda boleh tuntut dalam setahun.
- **Lifetime limit**: Amaun maksimum yang anda boleh tuntut seumur hidup.
- Sumbangan tahunan yang dipaparkan adalah terpakai untuk tahun sijil pertama dan mungkin meningkat apabila anda semakin tua. Rujuk Lampiran 3 untuk butiran lanjut mengenai sumbangan tahunan.

Jadual ini tidak memaparkan semua ciri perbezaan produk. Sila tanya kami anda untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai perbezaan ciri produk-produk tersebut.

## Lampiran 1: Jadual Manfaat

Manfaat-manfaat pelan ini adalah:

| Item | Jenis Pelan | Pelan 200 |
|---|---|---|
| **A** | **Had Tahunan Keseluruhan** | **RM100,000** |
| **B** | **Had Seumur Hidup** | **Tiada** |
| **C** | **Deduktibel**<br>Tidak terpakai untuk Item (12), (17), (18), Rawatan Kecemasan termasuk Kemalangan dan sebarang rawatan perubatan di Hospital Kerajaan Malaysia. | **RM500 Deduktibel**<br>(setiap tahun Sijil) |
| | **Manfaat Kemasukan Hospital** | |
| 1 | Bilik & Penginapan<br>*(maksimum seratus lima puluh (150) hari)* | RM200 |
| 2 | Unit Rawatan Rapi<br>*(maksimum tujuh puluh lima (75) hari)* | RM300 |
| 3 | Pelbagai Perkhidmatan Hospital | *Seperti caj yang dikenakan |
| 4 | Fi Bilik Pembedahan | |
| 5 | Manfaat Pembedahan | |
| 6 | Fi Pakar Bius | |
| | **Manfaat Pra & Rawatan Susulan Hospital** | |
| 7 | Perkhidmatan Diagnostik Pra Hospital<br>*(dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum masuk Hospital atau pembedahan)* | * Seperti caj yang dikenakan |
| 8 | Rundingan Doktor Pakar Pra Hospital<br>*(dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum masuk Hospital atau pembedahan)* | |
| 9 | Rawatan Susulan Selepas Keluar Hospital<br>*(dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keluar Hospital)* | |
| 10 | Pendapat Pembedahan Kedua<br>*(dalam tempoh enam puluh (60) hari sebelum pembedahan)* | |
| 11 | Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital<br>*(maksimum dua (2) lawatan sehari)* | |
| | **Manfaat Pesakit Luar** | |
| 12 | Rawatan Kecemasan untuk Kecederaan akibat Kemalangan termasuk Kecederaan gigi<br>*(maksimum tiga puluh satu (31) hari untuk rawatan susulan)* | RM2,000 |
| 13 | Fisioterapi pesakit luar<br>*(dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh keluar hospital)* | * Seperti caj yang dikenakan |
| 14 | Prosedur jagaan harian | |
| 15 | Fi Ambulans | |
| 16 | Fi Rekod Perubatan | RM80 |
| | **Manfaat Malapetaka Perubatan** | |
| 17 | Rawatan Kanser Pesakit Luar<br>*(maksimum setahun)* | RM40,000 |
| 18 | Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar<br>*(maksimum setahun)* | RM40,000 |
| 19 | Pemindahan Organ<br>*(sekali seumur hidup)* | RM75,000 |
| | **Lain-lain Manfaat** | |
| 20 | Cukai Kepenggunaan Berkaitan | * Seperti caj yang dikenakan |

**Nota:**

*Semua manfaat adalah seperti yang dikenakan berdasarkan caj yang munasabah dan lazim di Malaysia, tertakluk kepada had tahunan keseluruhan.

- Rawatan Kecemasan merujuk kepada sebarang keadaan yang memerlukan rawatan perubatan segera dalam masa dua puluh empat (24) jam untuk menyelamatkan nyawa atau anggota badan yang diperlukan untuk Hilang Upaya yang secara tiba-tiba dan kegagalan serius, yang akan mengancam nyawa atau membawa kepada kemerosotan kesihatan yang serius.

*Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).*

## Lampiran 2: Jadual Bayaran Balik Sumbangan

Anda boleh membatalkan sijil takaful ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Kami akan membayar balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan dalam Tahun Sijil semasa seperti berikut:

| Tempoh Tidak Melebihi | Bayaran Balik Sumbangan Tahunan |
|---|---|
| 1 bulan* | 85% |
| 2 bulan | 70% |
| 3 bulan | 55% |
| 4 bulan | 45% |
| 5 bulan | 35% |
| 6 bulan | 30% |
| 7 bulan | 25% |
| 8 bulan | 20% |
| 9 bulan | 15% |
| 10 bulan | 10% |
| 11 bulan | 5% |
| 12 bulan | 0% |

*Untuk penamatan dalam Tempoh Rujukan Percuma hendaklah merujuk kepada Klausa Tempoh Rujukan Percuma.

| Contoh Bayaran Balik Sumbangan | |
|---|---|
| Sumbangan tahunan: RM 1,844.00<br><br>Jika penamatan berlaku dalam bulan ke-4:<br>**Amaun Bayaran Balik Sumbangan :**<br>RM 1,844.00 x 45% = RM 829.80 | Sumbangan tahunan: RM 1,844.00<br><br>Jika penamatan berlaku dalam bulan ke-12:<br>**Amaun Bayaran Balik Sumbangan :**<br>RM 1,844.00 x 0% = RM 0.00 |

## Lampiran 3: Jadual Sumbangan

Sumbangan tahunan yang anda perlu bayar akan berbeza mengikut umur dicapai (hari lahir berikutnya), jantina dan kelas pekerjaan anda seperti yang berikut:

| Umur Dicapai Pada Hari Lahir Berikutnya | Kelas Pekerjaan 1 | | Kelas Pekerjaan 2 | | Kelas Pekerjaan 3 | | Kelas Pekerjaan 4 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| 18 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 19 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 20 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 21 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 22 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 23 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 24 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 25 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 26 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 27 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 28 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 29 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 30 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 31 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 32 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 33 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 34 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 35 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 1,844 | 2,304 | 2,304 | 2,764 | 2,764 |
| 36 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 37 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 38 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 39 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 40 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 41 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 42 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 43 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 44 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 45 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 2,401 | 3,000 | 3,000 | 3,599 | 3,599 |
| 46 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |
| 47 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |
| 48 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |
| 49 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |
| 50 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |
| 51* | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |
| 52* | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |
| 53* | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |
| 54* | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 3,263 | 4,078 | 4,078 | 4,892 | 4,892 |

*Hanya terpakai untuk pesertan sedia ada yang telah menyertai sebelum umur 50 tahun hari lahir berikutnya.

- Ini adalah pelan yang dijamin boleh diperbaharui sehingga umur tamat tempoh. Sumbangan tahunan akan meningkat mengikut usia dicapai (hari lahir berikutnya) pada ulang tahun sijil.
- Sumbangan ini tidak dijamin. Sumbangan boleh diselaraskan berdasarkan portfolio berdasarkan pertimbangan inflasi perubatan dan faktor lain yang mungkin memberi kesan kepada kemampanan portfolio. Kami akan memberitahu anda sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum sebarang perubahan sumbangan.